



**MINIT MESYUARAT KALI KE-74 MAJLIS BERSAMA JABATAN  
ISNIN, 29 APRIL 2024, JAM 2.30 PETANG  
WEBEX LIVE**

---

**Kehadiran : Pengerusi**

YBhg. Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Bin Mohamed,  
FASc  
Naib Canselor

**Ahli Wakil Majikan**

YBhg. Profesor Datin Dr. Azlina Binti Harun @ Kamaruddin  
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman  
Pengarah Hospital  
Hospital Universiti Sains Malaysia

YBrS. Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff  
Pendaftar

YBrS. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang

YBrS. Encik Rafizal Bin Abd Rahim  
Bendahari

**Ahli Wakil Pekerja**

**Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM**

Dr. Zuraidah Binti Abu Bakar (Presiden)  
Profesor Madya Dr. Rohana Binti Abd. Jalil  
Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz  
Ts. Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari  
Encik Md Lukmi Bin Ismail  
Encik Suardi Bin Kaharuddin

**Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM**

Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim (Presiden)  
Encik Mohamad Khusaini Bin Jamaluddin  
Encik Nor Amin Bin Ahmad  
Encik Norhiman Bin Ahmad  
Puan Noor Zaini Binti Khairul Khan  
Encik Mohd Shukur Bin Abidin  
Encik Nik Fakrudin Bin Nik Ali

### **Setiausaha Bersama**

Encik Mohd Jalaludin Bin Azizan  
Ketua Penolong Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

Puan Aida Shuhaida Binti Mustafa  
Setiausaha Kehormat  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

**Tidak Hadir :**

YBrs. Profesor Dr. Habibah Binti A Wahab  
Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor  
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail  
Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

Cik Nadia Roselilyana Binti Noordin  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

---

#### **MINIT 1      Ucapan Aluan Pengerusi**

YBhg. Dato' Seri Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah serta aluan kehadiran, ucapan terima kasih dan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua ahli Majlis yang hadir.

Seterusnya Pengerusi telah memaklumkan kepada Majlis mengenai perkara-perkara berikut untuk makluman dan perhatian :-

- Mesyuarat MBJ Kali Ke-74 ini merupakan mesyuarat MBJ pertama bagi tahun 2024
- Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff telah dilantik sebagai Pendaftar USM mulai 20 April 2024.
- Mesyuarat Lembaga Gabenor Universiti (LGU) ke-155 pada 22 Februari 2024 telah meluluskan kriteria baharu kemajuan kerjaya staf akademik hasil penelitian semula ke atas kriteria dan maklum balas serta pandangan daripada semua pihak yang terlibat termasuk wakil daripada Senat Universiti dan pihak Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM. Kriteria yang diluluskan ini masih mengekalkan kerangka asal kriteria kenaikan pangkat staf akademik yang terdiri daripada komponen M1-M5. Pemurnian atau penambahbaikan yang dilakukan adalah melibatkan dari segi kuantiti hasil kerja. Kriteria baharu ini akan dikuat kuasakan mulai eksesais kemajuan kerjaya staf akademik tahun 2025. Sesi taklimat kriteria baharu ini akan diberikan kepada semua staf akademik melalui sesi *Townhall* secara bersemuka seawalnya dalam bulan Julai 2024.
- Di bawah eksesais kemajuan kerjaya staf akademik tahun 2024 sekarang, seramai 111 calon (*94 Trek Standard dan 17 Trek Klinikal*) telah memohon jawatan Profesor, diikuti 243 pemohon jawatan Profesor Madya (*Trek Standard 214, Trek Klinikal 24 dan Trek Pengajaran 5*) dan lima (5) Pensyarah Kanan. Jumlah keseluruhan permohonan ialah 359 pemohon.

- Penetapan syarat lantikan tetap staf akademik yang telah diluluskan oleh LGU dalam mesyuaratnya ke -154 pada 18 Disember 2023. Syarat ini telah dihebahkan kepada Dekan dan Pengarah semua Pusat Pengajian dan Pusat-Pusat Kecemerlangan melalui Hebahan Pendaftar Bil. 9 Tahun 2024 bertarikh 23 Januari 2024. Hebahan ini mengandungi maklumat lengkap mengenai syarat lantikan tetap bagi staf akademik kontrak Warganegara dan calon baharu.
- Dalam hal ini menurut Pendaftar, sesi taklimat penetapan syarat lantikan tetap dan syarat baharu pengesahan jawatan staf akademik telah diadakan pada 21 Mac 2024 yang melibatkan pegawai-pegawai Sumber Manusia PTJ dan pegawai tertinggi Jabatan Pendaftar setiap Kampus. Sehingga kini, seramai 11 orang staf akademik dan dua (2) orang Guru Bahasa kontrak telah diluluskan pelantikan tetap mulai mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Akademik ke-269 yang bersidang pada 29 Januari 2024.
- Pengerusi menegaskan bahawa proses lantikan ini bukan dilaksanakan secara automatik. Bagi yang belum memenuhi syarat, staf akademik berkenaan telah dilanjutkan kontrak dan Ketua Jabatan telah diminta untuk memantau dan memastikan staf akademik memenuhi syarat lantikan tetap dalam tempoh pelanjutan kontrak semasa sesi pembentangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Akademik.

YBhg. Dato' Seri Pengerusi turut merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Dr. Musa Ali, atas sumbangan, khidmat bakti dan komitmen beliau sepanjang menjadi Pendaftar Universiti.

## **MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat**

**Minit Mesyuarat kali ke – 73 Majlis Bersama Jabatan pada hari Jumaat, 8 Disember 2023, jam 9.30 pagi.**

Minit mesyuarat ini disahkan tanpa pindaan.

## **MINIT 3 Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Ke - 73**

### **Minit 5.1.2 Pemberian Subsidi Pembelian Komputer Riba Kepada Staf**

Majlis diingatkan kembali saranan pihak PKAPUSM agar pihak universiti mempertimbangkan pemberian subsidi bagi pembelian komputer riba. Susulan daripada cadangan berkenaan, pihak Pusat Pengetahuan, Komunikasi Dan Teknologi (PPKT) telah mengemukakan maklumbalas seperti berikut;

- i. Pembentangan mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pemberian Geran Komputer telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) pada 12 Disember 2023. JTK telah bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan dengan beberapa saranan pindaan kepada Garis Panduan.
- ii. Pengemaskinian garis panduan telah dilaksanakan dan telah dilaporkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) seterusnya pada 19 Februari 2024. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa saranan pindaan yang perlu diambil tindakan.
- iii. Selanjutnya pengemaskinian seterusnya telah dilakukan dan telah dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) pada 3 April 2024.

- iv. Mesyuarat JKPU telah meluluskan aktiviti ini untuk pelaksanaan. Berdasarkan status semasa, pelaksanaan dirancang akan berlaku bermula Mei 2024.

Majlis turut mengambil maklum pihak PPKT telah memaklumkan secara bertulis melalui surat bertarikh 19 April 2024 kepada pihak PKAPUSM dan KKAUSM berkaitan status kelulusan pelaksanaan inisiatif berkenaan.

[Tindakan : Untuk makluman]

### **Minit 5.2.3 Pemeriksaan Kesihatan Kumpulan Pemandu Kenderaan USM**

Majlis diingatkan kembali berkaitan permohonan semakan status pentauliahan kepada Pusat Sejahtera, IPPT dan HUSM bagi melaksanakan pemeriksaan kesihatan bagi pembaharuan Lesen Vokasional/ memandu yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Susulan daripada perkara berkenaan, Majlis mengambil maklum bahawa pihak Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF) telah mengemukakan senarai nama pemandu dari semua kampus yang memerlukan Lesen Vokasional kepada pihak Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan Dan Pergigian) pada 23 April 2024 untuk tindakan susulan.

[Tindakan : Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan Dan Pergigian)]

## **MINIT 4 : PERKARA DARIPADA PIHAK MAJIKAN**

### **4.1 Pemakaian Pakaian Seragam Umum, Kasut Kulit Hitam/Kasut Keselamatan (*Safety shoes*)**

Majlis mengambil maklum bahawa pihak Universiti telah membekalkan Pakaian Seragam Umum serta bayaran kemudahan bekalan Kasut Kulit Hitam dan Kasut Keselamatan (*Safety shoes*).

Susulan daripada pembekalan dua (2) kemudahan di atas, Pendaftar memohon kerjasama daripada pihak Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM) untuk mengingatkan serta memastikan staf yang menerima kemudahan ini menggunakan peruntukan yang diberikan untuk membeli dan memakai kasut keselamatan sebagai perlindungan semasa menjalankan tugas rasmi termasuk semasa perjalanan ke tempat bertugas.

Majlis turut mengambil maklum bahawa pihak Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Universiti (UKKPU) akan menjalankan audit pemakaian kasut keselamatan ke atas staf-staf yang sepatutnya memakainya.

[Tindakan : KKAUSM]

**MINIT 5 : PERKARA DARIPADA PIHAK PEKERJA**

**5.1 Perkara daripada Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)**

- *Tiada usul daripada pihak PKAPUSM*

**5.2 Perkara daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)**

- *Tiada usul daripada pihak KKAUSM*

**MINIT 6 : HAL-HAL LAIN**

**6.1 Sesi Penerangan Subsidi Geran Komputer USM Bersama Persatuan Kakitangan Akademik Dan Pentadbiran USM (PKAPUSM) Dan Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)**

Majlis mengambil perhatian permohonan daripada pihak PKAPUSM untuk diberikan penerangan yang lebih jelas mengenai jumlah subsidi, terma rujukan, syarat permohonan Subsidi Geran Komputer ini.

Sehubungan itu, Majlis meminta pihak Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT) untuk mengadakan sesi taklimat/penerangan mengenai pemberian Subsidi Geran Komputer ini kepada pihak PKAPUSM dan KKAUSM.

**[Tindakan : PPKT]**

**6.2 Hala Tuju Guru Bahasa Dengan Kelayakan Ijazah Kedoktoran Di Bawah Skim ASHES**

Majlis mengambil maklum penerangan Pengerusi mengenai perancangan berkaitan Guru Bahasa yang mengikut skim ASHES ini adalah mengikut keperluan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan untuk dilantik sebagai staf akademik. Sekiranya eksekutif pengambilan staf akademik dibuka di mana-mana Pusat Pengajian, Guru Bahasa berkenaan boleh memohonnya sekiranya berminat dan berkaitan bidang pengajiannya. Walau bagaimanapun permohonan berkenaan adalah tidak secara automatik sebaliknya perlu memenuhi semua syarat yang ditetapkan.

Dalam hal ini Pendaftar telah menjelaskan bahawa tempoh perkhidmatan lepas (semasa perkhidmatan Guru Bahasa) akan diambil kira sekiranya Guru Bahasa berkenaan dilantik ke skim Pensyarah Universiti. Proses pelantikan ini mengguna pakai dasar dan peraturan sedia ada yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016 Panduan Pertukaran Pelantikan.

Mesyuarat turut mengambil perhatian permintaan pihak PKAPUSM berkaitan keperluan maklum balas secara bertulis daripada pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) berkaitan perkara ini. Pendaftar mengambil perhatian mengenai perkara ini untuk tindakan.

**[Tindakan : BSM]**

### **6.3 Eksekais Kenaikan Pangkat Staf Akademik lantikan pertama sebagai pensyarah USM dengan kelulusan PhD pada gred DS45**

Majlis mengambil maklum berkaitan cadangan pihak PKAPUSM agar pihak Universiti memberi keutamaan kepada pensyarah dalam kalangan gred lantikan pertama mereka berkhidmat sebagai pensyarah USM dengan kelulusan PhD pada gred DS45 dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan yang lebih lama dalam eksekais kenaikan pangkat.

Pensyarah dalam kumpulan ini yang merupakan berkelulusan PhD dilantik pada gred DS45 dan telah berkhidmat dalam tempoh yang lama berbanding dengan lantikan baharu pada kelayakan yang sama di gred DS51/52.

Dalam hal ini, Pengerusi memaklumkan proses kriteria kenaikan pangkat staf akademik ke jawatan Profesor Madya atau Profesor adalah dinilai berdasarkan merit akademik serta memenuhi kriteria yang ditetapkan dan bukan berdasarkan tempoh perkhidmatan.

Setelah berbincang, Pengerusi memaklumkan beliau bersedia meneliti perkara ini setelah mendapatkan perincian berkaitan pensyarah dalam kategori ini daripada pihak PKAPUSM.

**[Tindakan : PKAPUSM]**

### **6.4 Status Penyerahan Bil Elektrik untuk Bangunan A04, Rumah Merah USM**

Majlis mengambil maklum berkaitan aduan yang diterima oleh pihak PKAPUSM berkaitan penyewa di Bangunan A04, Rumah Merah USM tidak menerima bil elektrik sejak tahun 2023. Semakan pihak PKAPUSM dengan pihak JPPF mendapati bahawa bacaan meter elektrik dibuat setiap bulan dan bil berkenaan diserahkan kepada pihak Jabatan Bendahari.


Sehubungan itu, bagi memastikan penyewa di Rumah Merah tidak menanggung bil elektrik tertunggak, Majlis bersetuju agar pihak Jabatan Bendahari menyemak berkaitan aduan ini dan mengemukakan bil elektrik kepada penyewa di Rumah Merah.

**[Tindakan : Jabatan Bendahari]**

## **MINIT 7 : Penutup**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.30 petang dengan ucapan terima kasih dari YBhg. Dato' Seri Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :



**MOHD JALALUDIN BIN AZIZAN**  
Setiausaha Bersama MBJ



**AIDA SHUHaida BINTI MUSTAFA**  
Setiausaha Bersama MBJ USM  
(Wakil Pekerja)